

Keperihatinan PM dapat penghargaan

8 NOV 1999

KOTA BHARU 7 Nov. — Keperihatinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membela nasib rakyat Kelantan mendapat penghargaan mendalam apabila satu resolusi khas dikeluarkan hasil Kongres Ekonomi Kelantan Menjelang Alaf Baru di sini semalam.

Resolusi khas yang diputuskan dalam perhimpunan anak-anak Kelantan yang menjadi tokoh ternama dalam pelbagai bidang itu bagi menyatakan rasa terima kasih dan terhutang budi bagi pihak rakyat kepada beliau.

Resolusi khas itu dibacakan oleh pengerusi kongres Datuk Paduka Ibrahim Ali pada akhir sidang. Resolusi itu telah dikirimkan kepada Perdana Menteri menerusi faks.

Berikut teks penuh resolusi khas berkenaan.

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, bahnawasanya dalam bulan Rejab yang mulia ini, Kongres Ekonomi Kelantan Menjelang Alaf Baru merakam ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Kerajaan Persekutuan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di atas keperihatinan dalam membela nasib rakyat Kelantan tertinggal jauh di belakang dalam arus perdana pembangunan negara.

“Sesungguhnya rakyat Kelantan terhutang budi

kepada Kerajaan Persekutuan. Tanpa keperihatinan, keikhlasan dan kesungguhan Perdana Menteri YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak mungkin rakyat Kelantan menikmati kesejahteraan ini.

“Sesungguhnya rakyat Kelantan dan peserta Kongres Ekonomi Kelantan Menjelang Alaf Baru amat kagum dengan wawasan YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam memimpin rakyat dan negara sehingga terus membawa nama Malaysia ke mercu kegemilangan persada dunia.

“Semangat jati diri dan Malaysia Boleh yang digerakkan oleh YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengangkat martabat bangsa.

“Sesungguhnya formula Malaysia pimpinan YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah membawa rakyat berbilang bangsa hidup aman damai serta bersatu teguh menuju ke alaf baru dengan penuh yakin di mana Malaysia merdeka kekal berdaulat.

“Peserta Kongres Ekonomi Kelantan Menjelang Alaf Baru berdoa supaya YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan keluarga diberi kekuatan dan kesihatan agar terus memimpin rakyat dan negara dan bersabar menghadapi segala fitnah dan cabaran, Allah s.w.t. tetap bersama yang benar lagi adil.”